

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha dalam menyelidiki sebarang bentuk laporan salahlaku dan salahguna pihak-pihak tertentu dalam aspek sistem penyampaian insentif dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN dan PENJANA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, selain memantau keberkesanan pelaksanaan inisiatif-inisiatif pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN dan PENJANA, Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan sistem penyampaian inisiatif-inisiatif adalah telus dan tidak dimanipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa bersedia untuk melaporkan sebarang dakwaan salah laku kepada pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menyiasat dakwaan tersebut untuk tindakan selanjutnya.

2. Sebagai contoh, bagi Program Subsidi Upah (PSU) yang dikendalikan agensi pelaksana kerajaan iaitu PERKESO, mekanisme berikut telah dilaksanakan bagi memantau pelaksanaan PSU dan mengelakkan penyalahgunaan dana oleh pihak majikan:-

NO SOALAN : 11

- i. Menyediakan saluran aduan melalui eAduan PSU iaitu sebuah borang aduan dalam talian sebagai platform pertanyaan dan pelaporan sebarang isu berkaitan PSU;
 - ii. Mempamerkan senarai majikan yang telah berjaya memohon secara dalam talian;
 - iii. Menyemak-silang bayaran caruman pekerja di dalam pangkalan data PERKESO untuk memastikan pematuhan syarat;
 - iv. Menggantung dan menyiasat sebarang penipuan atau pelanggaran syarat;
 - v. Menubuhkan mekanisme bagi memulangkan bayaran subsidi upah kepada PERKESO disebabkan oleh pelanggaran syarat;
 - vi. Berunding untuk pembayaran upah dan pematuhan syarat; dan
 - vii. Bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mendakwa majikan yang melanggar syarat.
3. Setakat ini, sebanyak 5 laporan telah dibuat kepada PDRM/SPRM mengenai penyalahgunaan dana PSU oleh majikan.

Sekian, terima kasih.